

10 JAN 1997

Pembantu - Rayuan

PEMBANTU RUMAH FILIPINA RAYU PEGUAM NEGARA SEMAK KESNYA

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pembantu rumah Filipina yang menuduh bekas Duta Croatia di sini merogolnya, membuat rayuan kepada Peguam Negara supaya menyemak semula kesnya yang ditutup kerana tidak cukup bukti.

Maria Fe T. Ocampo, 27, yang tempoh visanya dijangka berakhir Isnin ini membuat rayuan itu melalui peguamnya Karpal Singh pada persidangan berita di sini. Permit kerjanya pula dijangka tamat pada 7 April.

Karpal berkata beliau dimaklumkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman melalui surat bertarikh 31 Dis tahun lepas bahawa Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara telah menutup kes itu kerana tidak cukup bukti untuk meneruskan kes terhadap dutaberkenaan yang telah meninggalkan negara ini.

Maria mendakwa bahawa Duta Kresimir Zridaric telah empat kali merogolnya antara 11 April dan 23 Ogos tahun lepas di kediamannya di Lot 3063, Jalan Pimping Kanan, Ukay Heights, Ampang.

Beliau juga mendakwa bahawa Duta itu telah mencabul kehormatannya di dapur rumahnya pada 5 Sept, tahun lepas kira-kira pukul 9.15 pagi dan kejadian itu disaksikan sendiri oleh ibunya yang ketika itu bekerja di Kedutaan Croatia.

Pada 8 Sept, 1996, Maria membuat aduan di balai polis Ampang dan menjalani pemeriksaan di Hospital Kuala Lumpur pada hari yang sama.

Karpal memberitahu pemberita bahawa Peguam Negara tidak seharusnya menutup kes itu memandangkan Maria mempunyai cukup bukti untuk mendakwa duta itu dan bahawa beliau berhak menuntut keadilan melalui sistem perundangan Malaysia.

Beliau juga mengemukakan rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya campurtangan dalam kes itu yang menurut beliau boleh mencemarkan imej Malaysia jika tiada tindakan diambil.

Karpal berkata beliau akan membantu Maria memohon lanjutan tempoh visanya sehingga tindakan sivil yang dikemukakan terhadap Zridaric di Mahkamah Tinggi Shah Alam didengar.

Mahkamah belum menetapkan tarikh bagi mendengar kes itu.

Maria yang diiringi oleh ibunya Saturnina Talistic, 47, pada persidangan berita itu berkata beliau menulis kepada Dr Mahathir pada November tahun lepas meminta supaya beliau dibenarkan tinggal dan bekerja di Malaysia tetapi tiada jawapan diterima.

Maria berkata beliau dan ibunya tidak mempunyai pekerjaan dan sekarang hidup atas bantuan rakan-rakan. -- BERNAMA

RHM CTL FAZ